



JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAWARAN TENDER BAGI MENGELUARKAN KAYU BALAK DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2020 PH.NS.TNDR.27-2020

Tawaran adalah dipelawa kepada individu atau syarikat yang berminat dan berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) sebagai kontraktor/pengusaha pembalakan untuk menyertai Tender **PH.NS.TNDR.27-2020 – Mengeluarkan Kayu Balak di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan bagi Tahun 2020** secara teabangan memilih.

KEDUDUKAN dan BENTUK kawasan kerja sebenar mengikut **KELUASAN** yang ditender akan ditetapkan dilapangan oleh JPNS semasa kerja-kerja penandaan dan pengesahan sempadan dijalankan.

Harga yang ditawarkan adalah Bayaran Premium sahaja tetapi **TIDAK TERMASUK** harga royalti, ses dan lain-lain bayaran Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1) serta lain-lain bayaran yang berkaitan.

Tuan/Puan adalah dinasihatkan agar meneliti maklumat lanjut dan terperinci mengenai Tawaran tender di dalam Dokumen Tender. Dokumen Tender boleh dibeli di Kaunter Hasil Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan mulai **28 September 2020 (Isnin)**.

Dokumen tender ini dijual dengan harga **RM100.00 BAGI SETIAP NO. TAWARAN**. Bayaran boleh dibuat di Kaunter Hasil JPNS. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan **SEBELUM ATAU PADA 19 Oktober 2020 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAHARI**.

Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran ini sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen tender ini boleh menghubungi pegawai berkenaan iaitu En. Khairul Anwar bin Mustapa, Pen. Pengarah (Pengusahasilan Hutan) ditalian 06-7659849/7659875 atau emel khairul@ns.gov.my